

AWAS

- a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.
- Pakaian dan Alat Perlindungan:** Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawai termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan (respirator).
- b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saluran air.

TANDA KERACUNAN

Berpeluh, pening, sakit kepala, pandangan kabur, mual, muntah, sesak nafas, kejang otot, cirit-birit dan besar ludah.

RAWATAN KECEMASAN

Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

RAWATAN PERUBATAN

Suntikkan Atropina sulfat (2-4 mg) secara intravena atau intraotot. Ulang setiap 30 minit sehingga pesakit itu pulih dengan sepenuhnya. Kemudian suntikkan pralidoksim (1 g) secara intravena, jika perlu.

MEDICAL TREATMENT

Inject Atropine sulphate (2-4 mg) intravenously or intramuscularly. Repeat every 30 minutes until the patient is fully atropinised. Then administer pralidoxime (1 g) intravenously, if necessary.

有害品
勿貯藏在靠近食品或
兒童所接觸的地方

HARMFUL
KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF AND CHILDREN

MOSTEK ULV 96*

CECAIR ISIPADU ULTRARENDAH (UL)
RACUN SERANGGA/ INSECTICIDE

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA
(TO BE HANDLED BY TRAINED PERSONNEL ONLY)

Perawis Aktif: malathion 96.0% w/w
Perawis Lengai:4.0% w/w

No. Pendaftaran : LRMP. R1/8484 Kandungan Bersih : 20 Liter

Tarikh Mengilang :

Didaftarkan oleh:

**Sekilas
Karisma**

Sekilas Karisma (M) Sdn. Bhd. (528804-T)
No. 11-2, Jalan Meranti SD 13/4,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel.: 03-6277 4758 Faks: 03-6272 9528

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi:

PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)
- 012-430 9499 (lepas waktu pejabat)

BACA LABEL SEBELUM GUNA

* Trademark of Sekilas Karisma (M) Sdn. Bhd.

KELAS III

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

MOSTEK ULV 96* adalah sejenis racun serangga daripada kumpulan 'organophosphate' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut untuk mengawal nyamuk sebagaimana di dalam jadual berikut.

ATURAN PENGGUNAAN

Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.

Serangga	Cara Penyemburan	Kadar Campuran	Kadar Racun Sehektar
Nyamuk (<i>Aedes aegypti</i> , <i>Culex quinquefasciatus</i>)	ULV (Luar bangunan sahaja)	Guna secara terus tanpa pencairan	440 ml

Panduan Menyembur

Disyor menggunakan mesin penyembur ULV. Sembur di luar bangunan sahaja. Lakukan semburan apabila terdapat kes penyakit bawaan vektor (nyamuk) tercetus di mana tindakan segera perlu diambil. Masa yang sesuai untuk menyembur ialah pada lewat petang dan awal pagi kerana aktiviti nyamuk adalah paling aktif pada waktu ini. Jangan guna pada hari yang panas. Kelajuan angin tidak boleh melebihi 5 km/jam. Jangan sembur berhampiran dengan makanan/tempat penyediaan makanan termasuk makanan ternakan. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **MOSTEK ULV 96*** berselang-seli dengan racun serangga lain yang mempunyai cara tindakan yang berbeza.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

EMPTY PESTICIDE CONTAINER SHOULD BE TRIPLE RINSED BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.

தீங்கிழைப்பது
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்